

13/11/2000

Pemimpin Keadilan lupa jasa Barisan Nasional

Irwan Ismail

SAYA adalah seorang anak jati Kuantan yang dilahir serta dibesarkan di bandar berkenaan. Namun, saya akui bahawa saya terlupa sejenak mengenai rahmat yang Allah kurniakan ketika saya membesar dengan aman, sihat dan tanpa rasa takut, iaitu kerana sentiasa berada di bawah naungan kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai barisan pemimpin yang berkaliber.

Saya buat seketika terleka dengan kepalsuan parti pembangkang. Betapa gelapnya hati saya pada masa itu. Namun, yang menyedarkan saya kembali daripada lamunan janji manis parti pembangkang adalah sikap buruk mereka sendiri serta sikap dan sifat terpuji pemimpin Barisan Nasional.

Saya amat terharu apabila mendengar berita Tan Sri Khalil Yaakob dengan rela hati dan ikhlas, melepaskan jawatan tertinggi yang disandangnya dalam Umno Pahang kepada Datuk Seri Adnan Yaakob demi menjaga perpaduan parti serta kepentingan rakyat.

Tetapi perkara sebaliknya pula berlaku dalam parti pembangkang. Mereka dinaungi pemimpin yang hanya pandai mengukir janji serta berilusi tinggi. Mereka dibayangi pengampu dan perasaan pentingkan diri sendiri. Bagaimanakah saya mengetahuinya? Ini kerana saya dulu adalah seorang ahli parti pembangkang yang kini ingin kembali ke pangkal jalan.

Di sini saya ingin menarik perhatian pembaca mengenai kepincangan pucuk pimpinan sebuah parti pembangkang yang kononnya begitu melaung-laungkan slogan keadilan untuk semua. Yang ingin saya tekankan ialah berkisar kepada Parti Keadilan. Saya akui membuat kesilapan besar dengan begitu bersungguh-sungguh menyahut seruan 'keadilan' yang begitu lantang disuarakan seorang pemimpinnya yang agak ternama.

Beliau dengan lantang membangkitkan isu kononnya membuktikan kepincangan kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau juga mendabik dada dengan menyatakan kesanggupan untuk berjuang demi keadilan dan mengaku membuat beberapa sumbangan kewangan yang besar kepada parti Keadilan. Beliau juga mengaku menganjurkan beberapa majlis rapat umum di kediamannya yang jemputannya terdiri daripada beberapa ahli tertinggi parti Keadilan termasuk Presidennya, Dr Wan Azizah Ismail.

Di sinilah kepincangannya jelas ternyata. Saya diserapkan ke dalam kumpulan 'elit' dalam Parti Keadilan Kuantan. Kumpulan yang lengkap beruniform serba hitam ini kononnya sebuah jentera gerak gempur parti ketika pilihan raya umum lalu. Di sini ingin saya selitkan peristiwa yang berlaku di satu rapat umum di Kuantan. Saya berserta ahli kumpulan 'elit' mengiringi Dr Wan Azizah ke rumah beliau.

Namun, sesampai di pintu pagar kediamannya, kami dihalang beliau dan isteri mudanya daripada masuk. Kami juga dimaki hamun di khalayak serta dimalukan.

Apakah kesalahan kami? Rupa-rupanya tanpa kami sedari, kami ini hanyalah ahli cabuk warga Keadilan kelas tiga. Yang masuk dan menghadiri majlis itu hanyalah golongan yang rapat dengan beliau saja.

Sebelum ini, beliau lantang menghentam kepemimpinan Dr Mahathir yang didakwa dipenuhi kroni. Nampaknya, parti Keadilan sendiri secara terang-terang mengamalkan dasar pilih kasih serta budaya kronisme yang amat menjelekan.

Selepas peristiwa memalukan itu, hati saya tergerak untuk menyelidik latar belakang penaung itu secara terperinci. Saya amat terperanjat apabila mendapati aktiviti yang dijalankannya banyak didalangi pengampu.

Malah, orang kanannya pernah dibelasah penduduk sebuah kampung kerana terbabit dalam beberapa kes penipuan. Tambahan lagi, kebanyakan ahli parti Keadilan yang menyokong beliau mengharapkan imbuhan wang ringgit serta harta benda. Di sini terserlah kepincangan parti Keadilan yang ketara bertunjangkan politik wang.

Bagaimanakah golongan ini mampu untuk mengambil alih pucuk pimpinan negara jika sebelum menang bertanding sudah menunjukkan amalan serta budaya yang tidak sihat?

Saya dengan ini menyarankan kepada beliau memikirkan semula punca hasil kekayaan beliau. Bukankah kekayaan serta kesenangan hidup beliau datangnya daripada kerajaan Barisan Nasional?

Janganlah menjadi kacang yang lupukan kulit serta menjadi begitu bongkak dan angkuh.

Saya sudah hilang kepercayaan mengenai apa yang dilaungkan pemimpin parti Keadilan selepas mengalami penghinaan daripada pemimpinnya sendiri.